



SEMINAR ANGGOTA KOPERASI TNB

10 Ogos 2018, Segamat – Bertempat di KopTown Hotel Segamat, Johor telah berlangsung Seminar Anggota bertemakan “Pengurusan Kewangan Berhemah”, seminar ini diadakan khusus untuk anggota dari Kelantan, Terengganu dan Johor.



Naib Pengerusi Koperasi TNB, Tuan Haji Abdul Shukor bin Hassan yang mewakili YM Raja Hang Tuah bin Raja Iskandar telah merasmikan seminar ini yang mana mendapat maklumbalas positif daripada 45 anggota, Anggota Lembaga dan pekerja Koperasi TNB.



Sesi pertama seminar ini ialah taklimat produk Koperasi TNB yang telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Marzuki bin Yaso, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Koperasi TNB. Manakala Penceramah Kewangan terkemuka Encik Abu Ayuabul Ansari, CEO Now Asia yang lebih dikenali dengan nama Abang Abu telah dijemput bagi menyampaikan Seminar Pengurusan Kewangan Berhemah dari 10 hingga 11 Ogos 2018. Antara tajuk yang dikupas oleh Abang Abu ialah Kompas Wang, Super Highway Wang, Retire Rich dan Money For Kids.